

# TOOPRIN TABLETS

Aspirin (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tooprin Tablets.
2. Bagaimana Tooprin Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tooprin Tablets.
4. Cara menggunakan Tooprin Tablets.
5. Semasa menggunakan Tooprin Tablets.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tooprin Tablets.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan tooprin tablets

Tooprin Tablets digunakan untuk melegakan kesakitan ringan hingga sederhana seperti:

- Sakit kepala.
- Sakit gigi dan sakit haid.
- Kesakitan reumatif.

Ia juga digunakan untuk melegakan demam.

## Bagaimana Tooprin Tablet berfungsi

Tooprin Tablets mengandungi aspirin. Ia mempunyai tindakan ubat tahan sakit, anti-radang dan tindakan anti-piretik (melegakan demam).

## Sebelum menggunakan Tooprin Tablets

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Tooprin Tablet jika:

- Anda adalah kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.
- Anda alergi atau hipersensitif pada aspirin.
- Anda adalah seseorang yang mengalami kekurangan dehidrogenase glukosa-6-fosfat.
- Anda menghidapi gangguan darah.
- Anda menghidapi kemerosotan keupayaan pembekuan darah.
- Ubat ini bukan dipreskripsi oleh doktor yang bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Tooprin Tablets

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda adalah dengan penyakit jantung dan salur darah atau faktor berisiko penyakit jantung dan salur darah.
- Anda mempunyai tekanan darah tinggi.
- Anda adalah seseorang dengan pengekalan cecair dalam badan atau kegagalan jantung.
- Anda mempunyai peristiwa perut dan usus.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).
- Anda menghidapi ulser perut, masalah pembekuan darah atau masalah pencernaan, kerosakan fungsi buah pinggang atau dehidrasi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Tooprin Tablet anda:

- Alkohol.
- Coumarin (digunakan untuk mencegah pembekuan darah) dan sulphapyrazone (digunakan untuk merawat penyakit gout).
- Barbiturat dan ubat pelali yang lain.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Tooprin Tablets dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Tooprin Tablets

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

Dewasa: 1-2 tablets 3 atau 4 kali sehari.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Tooprin Tablets mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Tooprin Tablets

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Tooprin Tablets.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali disarankan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa

# TOOPRIN TABLETS

Aspirin (300mg)

- berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Tooprin Tablets dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

**Perkara yang perlu diberi perhatian**

- Tooprin tidak disarankan bagi bayi dan kanak-kanak bawah 16 tahun.
- Elakkan penggunaan berterusan pada dos yang tinggi.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Tooprin Tablets boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Simptom keracunan ringan: Pening, bunyi berdering di dalam telinga, berpeluh, rasa loya dan muntah-muntah, kekeliruan mental.
- Keracunan yang serius: bernafas dengan berlebihan, demam, ketosis (peningkatan tahap keton dalam badan), alkalisasi pernafasan (peningkatan pertukaran gas dalam paru-paru) dan asidosis (peningkatan yang tidak normal dalam keasidan darah dan tisu badan) metabolismik.
- Depresi Sistem Saraf Pusat (SSP) boleh mengakibatkan koma, kegagalan kardiovaskular dan pernafasan.
- Kerengsaan pada lapisan perut dan menyebabkan masalah penceraaan, hakisan, ulser dan muntah darah.
- Anemia kekurangan besi.
- Individu asma yang sensitif pada aspirin boleh mengalami ruam, and letusan kulit yang lain, edema angioneurotik (penyakit Quinke's), rinitis (keradangan membran mukus di dalam hidung), dan kesukaran bernafas yang serius serta membawa maut.

- Pengambilan aspirin berterusan pada dos yang tinggi menyebabkan gangguan buah pinggang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
15/02/2018

**Nombor siri**  
NPRA(R4/1)140218/00051

**Cara penyimpanan dan pelupusan Tooprin Tablets****-Penyimpanan**

Jauhkan Tooprin Tablets dari jangkauan kanak-kanak.  
Simpan pada suhu bawah 30°C.  
Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

**-Pelupusan**

Jangan guna Tooprin Tablets yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.  
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut****-Rupa dan warna produk**

Tooprin Tablets adalah tablet bermuka rata, berbentuk bulat, berlapis dua dan berwarna putih. Ia berdiameter 11mm, dengan satu garis lurus pada bahagian kuning dan logo KOTRA pada bahagian putih.

**-Bahan-bahan kandungan**

- Bahan Aktif:  
Aspirin
- Bahan Tidak Aktif:  
Corn Starch, PVP K30, Lactose, Quinoline Yellow, Stearic Acid, Dioctyl Sodium Sulphosuccinate, Aerosil dan Isopropyl Alcohol.

**-Nombor MAL**

MAL19961282XZ